

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN [  
KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk membeli dan mengagih 'blue water tank' kepada para penduduk Sarawak menjelang pilihan raya negeri Sarawak; dan
- (b) berapakah unit '*blue water tank*' yang telah dibeli dan diagihkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Projek Pembekalan Tangki Air Ke Negeri Sarawak adalah merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Jumlah keseluruhan tangki air yang diagihkan untuk penduduk di Negeri Sarawak adalah sebanyak 142,791 unit dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM352.3 juta.

Projek pembekalan tangki air bertujuan menyediakan kemudahan tadahan air kepada penduduk sebagai langkah sementara mengatasi masalah bekalan air di Negeri Sarawak sehingga bekalan air paip retikulasi siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.